

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
PEJABAT BENDAHARI**

UTHM.PB/100-6/4 (21)

22 Januari 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 / 2009

Semua Pengurus Bahagian

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

**GARIS PANDUAN DAN KADAR PEMBIAYAAN PROJEK PELAJAR UNIVERSITI TUN
HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)**

Tujuan pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk menjelaskan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai Garis Panduan Dan Kadar Pembiayaan Projek Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pada masa kini, Universiti tiada garis panduan dan kadar yang "*standard*" yang boleh digunakan untuk membiayai projek pelajar.
- 1.2 Kadar pembiayaan yang dibuat adalah bagi semua projek pelajar samada pelajar Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan juga PhD.
- 1.3 Oleh yang demikian, Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3/2008 yang telah bersidang pada 25 September 2008 yang lalu telah meluluskan Garis Panduan dan Kadar Pembiayaan Projek Pelajar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

2.0 GARIS PANDUAN KEWANGAN

2.1 Kadar kos pembiayaan projek bagi seorang pelajar yang diluluskan adalah mengikut kadar seperti di jadual berikut :-

| AGIHAN PROJEK | KADAR MAKSIMUM PER PELAJAR (RM) |
|--|--|
| PROJEK AKHIR DIPLOMA (PDip) | 300.00 |
| PROJEK SARJANA MUDA (PSM) | 500.00 |
| PROJEK SARJANA - KERJA KURSUS - PENYELIDIKAN | 500.00 750.00 |
| PROJEK DOKTOR FALSAFAH | 1000.00 |

2.2 Penetapan kadar maksimum yang diluluskan adalah berasaskan kepada rasional seperti berikut :-

- (i) Projek yang dijalankan merupakan aplikasi daripada pengetahuan teori yang diperolehi daripada kuliah dan syarat khusus untuk memenuhi keperluan program.
- (ii) Sebahagian besar projek adalah berbentuk produk yang memerlukan komponen elektronik, perkakasan, perisian dan sebagainya.
- (iii) Sebahagian daripada projek juga mengambil kira aspek-aspek berdasarkan kepada reka bentuk, keperluan industri dan projek berkaitan pengubahsuaian terhadap sesuatu mesin atau peralatan yang sedia ada.
- (iv) Sebahagian projek juga diperuntukkan bagi pelajar penyelidikan dari segi keperluan penyelidikan seperti bahan-bahan serta aksesori yang kecil bagi tujuan kesempurnaan kualiti projek.

- (v) Terdapat projek yang melibatkan pengumpulan dan pembelian maklumat dan data dari Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), pembelian pelan serta peta topo dari Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia.
- 2.3 Barang-barang atau perkara-perkara lain yang dibenarkan untuk tujuan tuntutan bagi setiap sesuatu projek sepertimana berikut :-
- (i) Alat-alat kelengkapan untuk penyelidikan.
Apabila pembiayaan diluluskan untuk membeli alat-alat kelengkapan untuk sesuatu projek penyelidikan, alat-alat tersebut akan menjadi hak milik Universiti/Fakulti. Pembelian aset dan inventori adalah tidak dibenarkan. Semua hasil penyelidikan tersebut juga akan menjadi hak milik Universiti.
 - (ii) Bekalan
Bekalan adalah seperti bahan-bahan kimia, barang gunahabis, bahan untuk percubaan atau ujikaji dan sebagainya. Pembelian buku dan alat tulis lain adalah tidak dibenarkan untuk tujuan tuntutan pembayaran.
 - (iii) Perjalanan dan Sara hidup
Pembayaran perjalanan seperti bayaran minyak, tiket pengangkutan awam dan lain-lain perjalanan adalah tidak dibenarkan untuk tujuan tuntutan.
- 2.4 Walaupun jika syarat permohonan adalah mencukupi, namun demikian ianya adalah bergantung kepada kelulusan Dekan Fakulti masing-masing dengan syarat tidak melebihi peruntukan keseluruhan Projek Pelajar di Fakulti masing-masing.

3.0 KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Setiap pemohon perlu mengisi borang BEN/UPY/018 atau BEN/UPY/019 seperti di Lampiran.
- 3.2 Bagi projek akhir diploma, projek sarjana muda dan projek sarjana (kerja kursus), tuntutan hanya boleh dituntut sekali dalam sepanjang tempoh pengajian. Tuntutan perlu dikemukakan dalam tahun semasa.

3.3 Bagi projek sarjana (penyelidikan) dan projek doktor falsafah (PhD), tuntutan boleh dibuat sepanjang tempoh pengajian. Walaubagaimanapun tuntutan perlu dikemukakan mengikut tahun semasa tertakluk kepada had maksimum kelayakan yang ditetapkan. Baki kelayakan bagi setiap permohonan perlu dipantau oleh pihak fakulti.

3.4 Setiap permohonan mestilah disertakan dengan:-

- (i) Borang permohonan yang telah lengkap diisi dan disahkan oleh penyelia projek, dekan atau pegawai yang bertanggungjawab mengawal peruntukan PTj.
- (ii) Semua resit perlu disahkan oleh penyelia projek.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Pekeliling ini berkuatkuasa pada 1 Januari 2009.

Kerjasama dari YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memaklumkan penguatkuasaan pekeling ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”

Yang Benar



HJ. ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎: samb. 7050

- s.k - Y.Bhg. Naib Canselor
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Ketua Unit Audit Dalam

CARTA ALIR TUNTUTAN BAGI PROJEK AKHIR DIPLOMA, PROJEK SARJANA
MUDA, PROJEK SARJANA (KERJA KURSUS) PROJEK SARJANA
(PENYELIDIKAN) DAN PROJEK DOKTOR FALSAFAH (PHD)

